

Sepuluh bank teras tetap dikekalkan

UM 2.5 JAN 2002

KUALA LUMPUR 24 Jan — Kerajaan tetap mengekalkan bilangan bank teras sebanyak 10 buah seperti yang diputuskan sebelum ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau yang juga Menteri Kewangan menegaskan perkara itu ketika ditanya sama ada Bank Utama akan diberi taraf bank teras jika ia berjaya menambah modal kepada RM2 bilion dalam tempoh enam bulan.

"Tak ada lagi (bank teras)," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini, hari ini.

Perbincangan antara Bank Utama untuk bergabung dengan RHB Bank selaku bank teras, masih belum mencapai kata sepakat ekoran pertentangan pendapat dalam soal harga janji niaga.

Semalam, Perdana Menteri berkata, kerajaan memberikan tempoh selama enam bulan kepada Bank Uta-

ma untuk mencari rakan penggabungan dari kalangan 10 bank teras di negara ini.

Ditanya sekiranya rancangan penggabungan di antara RHB Bank dan Bank Utama tidak menjadi, Dr. Mahathir berkata, RHB Bank boleh kekal sebagai bank teras atau bergabung dengan bank lain jika ia mahu.

"Bagaimanapun, sudah tentu kita mahu menggalakkan bank teras supaya bergabung dan mengurangkan bilangan bank," katanya.

Justeru, beliau berpendapat, tidak ada masalah jika bank-bank teras mahu bergabung dengan baik lain.

Ditanya sama ada beliau menjangkakan akan berlaku lagi penggabungan membabitkan kumpulan-kumpulan perbankan tahun ini, Dr. Mahathir berkata:

"Kita tidak meminta mereka berbuat demikian tetapi kita mengalu-alukan (penggabungan ini)."